

15) PROJEK PEMBANGUNAN SEMULA PROJEK RUMAH DI JALAN PAPAN

Adun : Y.B. Tuan Leong Tuck Lee (N47 Pandamaran)

Kategori : Lisan

Sesi : 3 (2024)

Sub soalan :

a) Apakah status terkini untuk pembangunan rumah di Jalan Papan, Pandamaran?

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini, status pembangunan perumahan di Jalan Papan, Pandamaran masih belum dapat dimulakan dan pihak pemaju telah membawa kes ini ke mahkamah untuk mengeluarkan peneroka bandar yang masih berada di tapak sebelum kerja-kerja pembinaan dapat dijalankan. Dimaklumkan bahawa keputusan mahkamah di jangka pada akhir November tahun ini.

b) Adakah kerajaan dapat memberi tekanan kepada pemaju untuk mempercepatkan projek pembangunan ini?

Kerajaan Negeri komited dan memandang serius akan penyelesaian penempatan peneroka bandar di Jalan Papan, Pandamaran ini. Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor bersama-sama pihak Majlis Bandaraya Diraja Klang akan memantau rapat pembinaan perumahan ini setelah kes mahkamah selesai dan kesemua peneroka bandar tersebut berpindah keluar.

Disediakan Oleh :

(MOHD HAFIZ BIN HASSAN) A.M.S.
Timbalan Pengarah Eksekutif
Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor

Tarikh : November 2024

Disemak Oleh :
(DATO' TPr Dr JUHARI BIN AHMAD)
D.I.M.P., A.M.N., S.I.S., A.M.S.
Pengarah Eksekutif
Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor

Tarikh : November 2024

Disahkan Oleh :
(YB DATUK BORHAN BIN AMAN SHAH)
D.M.S.M., P.J.K.
EXCO Perumahan Dan Kebudayaan
Jawatankuasa Tetap Perumahan Dan
Pembangunan Bandar Lestari

Tarikh : November 2024